

04/06/2003

Maruah Melayu merangkumi penguasaan ilmu

BANGI: Maruah dan jati diri bangsa Melayu bukan bergantung kepada penghayatan dan penerapan budaya Melayu serta agama Islam semata-mata, tetapi turut merangkumi penguasaan ilmu pengetahuan, ilmu sains dan selok-belok teknologi terkini.

Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, berkata keunggulan persaingan adalah aspek penting yang memungkinkan sesuatu bangsa itu dapat bersaing dengan bangsa lain dan menang, bukan bersaing untuk dikalahkan serta disepak terajang ke tepi jalan.

Untuk memiliki keunggulan persaingan itu, tegasnya, sumber daya dan ilmu pengetahuan manusia perlu dikembangkan selengkap-lengkapunya hingga keseluruhan bangsa itu memiliki kualiti yang tinggi.

"Hakikat ini mudah diperkatakan, tetapi sukar dicapai. Ini memerlukan kita mengubah perilaku bangsa hingga dapat berdaya saing tinggi dengan bangsa lain.

"Ini memerlukan disiplin, minda yang terbuka dan penguasaan bahasa Inggeris tanpa membelakangkan bahasa ibunda.

"Tanpa bahasa Inggeris, kita tidak boleh bersaing. Malah, golongan ini akan mengasingkan diri sebagai jalan keluar kerana tidak memiliki keyakinan," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Bahasa Inggeris dan Era Globalisasi' pada Seminar Majlis Perwakilan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bertema 'Kepimpinan Mahasiswa: Menjana Kecemerlangan Dalam Era Globalisasi' di Institut Latihan Keselamatan Sosial Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Esset) di sini, semalam.

Seminar tiga hari bermula kelmarin itu dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Ia dianjurkan bersama Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Felo Penyelidik Utama Institut Alam Sekitar Pembangunan (Lestari) UKM, Prof Dr Hood Mohd Salleh, bertindak sebagai pengerusi sesi berkenaan. Kira-kira 300 penuntut dari 18 IPTA seluruh negara menyertai seminar itu.

Ketua Pengarang Kumpulan NSTP itu berkata, globalisasi boleh dikesan dalam tiga arena kehidupan iaitu globalisasi ekonomi, globalisasi politik dan globalisasi budaya.

Globalisasi ekonomi mengacu kepada pengaturan global dalam pengeluaran modal, barang dan khidmat, pertukarannya, penyebarannya serta penggunaannya.

Globalisasi politik, jelasnya, mengacu kepada pengaturan global dalam pemusatan dan penerapan kekuasaan dana transformasi yang dapat mengakibatkan wujudnya kawalan ke atas penduduk serta wilayah.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ada menyebut mengenai globalisasi ekonomi dalam krisis kewangan yang melanda negara pada pertengahan 1997 dan globalisasi itu dipaparkan menerusi ancaman neo-kolonialisme atau penjajahan bentuk baru.

Abdullah menjelaskan, globalisasi budaya pula merujuk kepada pengaturan global dalam penghasilan lambang yang mewakili fakta, makna hidup, cara hidup, kepercayaan, kesukaan, selera dan nilai serta pertukarannya dan pengungkapan, termasuk cara berbicara dan perumpamaan yang digunakan.

"Dalam ketiga-tiga hal ini, globalisasi adalah proses sosial yang membuat masyarakat negara atau sesuatu bangsa menjadi semakin saling terhubung dalam bidang ekonomi, politik dan budaya.

"Globalisasi tidak dapat dielak. Suka atau tidak, ia mesti dihadapi walaupun orang Melayu adalah jenis yang suka mengelak. Malaysia sedang berusaha bersungguh-sungguh merebut faedah kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi dalam era globalisasi supaya dapat berdiri sama tinggi dengan negara maju.

"Kita sedang dilanda arus globalisasi dan untuk memastikan kita tidak ditenggelamkan arus ini, kita perlu menjadi bangsa yang mempunyai daya saing yang tinggi. Ini penting untuk Bumiputera kerana kuasa politik juga tidak dapat dipertahankan jika kita tidak meningkatkan daya saing," katanya.

Abdullah berkata, penggunaan bahasa Inggeris dalam era globalisasi tidak dapat menghapuskan setiap aspek kebudayaan dan keagamaan masyarakat untuk digantikan dengan kebudayaan barat, manakala integrasi di era itu juga tidak semestinya menjadi asimilasi kepada budaya Amerika.

Beliau menegaskan, bangsa yang mempunyai jati diri tinggi, daya saing tinggi dan keyakinan diri secara kolektif, mampu mengambil yang terbaik daripada proses globalisasi serta membuang aspek yang keruh.

Bagaimanapun, katanya, semua itu hanya dapat dilakukan jika ilmu pengetahuan dikuasai secara mendalam.

"Sesetengah pihak beranggapan penggunaan bahasa Inggeris adalah satu bentuk penjajahan baru. Apakah hilang Melayu di dunia ini kerana tidak berbicara bahasa ibunda? Apakah kemelayuan kita, kemalaysiaan kita dan keislaman kita tergugat jika kita menggunakan bahasa Inggeris?

"Bahasa adalah nadi kepada nyawa masyarakat yang menuturnya sebagai bahasa ibunda, tetapi bukannya bahasa dan martabat bangsa itu menjadi lebih kaya jika keintelektualan bahasa Melayu ditinggikan menerusi penimbaan dan penguasaan ilmu serta teknologi, selain penguasaan daya saing pada skala global," katanya.

Abdullah berkata, usaha mencipta bangsa moden dan maju tidak akan berhasil jika pemerolehan ilmu serta teknologi dibataskan kepada bahasa Melayu yang berkedudukan sebagai wahana terhad.

Bahasa Inggeris, katanya, harus dijadikan alat untuk mengembangkan bahasa Melayu menjadi bahasa moden dan alat bagi memanfaatkan ilmu pengetahuan serta teknologi moden bagi pembangunan nasional.

Beliau berkata, penguasaan bahasa Inggeris yang disaran kerajaan tidak bermakna fungsi bahasa Melayu sudah diambil alih sebagai lambang jati diri bangsa Malaysia.

"Penguasaan bahasa Arab dapat mendukung wacana keagamaan dalam bangsa Melayu manakala bahasa Inggeris dapat mengembangkan wadah ilmu bangsa dan negara kita.

"Janganlah kita terikat dengan pemahaman jati diri yang sempit. Sikap atau `attitude' bangsa dalam menghadapi cabaran, mengisi visi atau wawasan masa depan dan peranan dalam percaturan politik serta ekonomi dunia turut memberi jati diri sebenar kepada bangsa kita," katanya.

Menjawab pertanyaan pada sesi soal jawab dengan peserta seminar selepas itu, Abdullah berkata, corak didikan ibu bapa adalah antara faktor yang menyebabkan kurangnya jati diri di kalangan remaja yang cenderung menceduk budaya asing tetapi tidak menguasai bahasanya.

Kepada soalan lain, Abdullah berkata, kekurangan jati diri di kalangan orang Melayu bukan disebabkan proses globalisasi tetapi berpunca daripada sikap tidak yakin terhadap kemampuan sendiri.